KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

***Telefon:*** ***88881480***
***88883381***
***Fax:*** ***88883382***

UPTM 159/267/50 Klt 4 (46)

20 Ogos 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**Y. Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,**

**ARAHAN PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 DAN PELAKSANAAN ARAHAN, PERATURAN, PROSEDUR DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan **"Audit Berkaitan Pematuhan oleh Agensi-agensi Kerajaan ke atas Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994"**, manakala Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (KPKK), Jabatan Perdana Menteri pula telah menjalankan **"Kajian ke atas Arahan, Peraturan dan Prosedur Keselamatan Perlindungan di Jabatan-jabatan Kerajaan" pada tahun 2003**. Penemuan kedua-dua kajian dan auditan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 48 Bil. 1/2004 pada 20 Mei 2004.

3. Hasil daripada auditan dan kajian tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar Kementerian dan Agensi Kerajaan hanya mematuhi tahap minimum peraturan-peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan kehendak-kehendak Arahan, Peraturan dan Prosedur Keselamatan Perlindungan di Jabatan-jabatan Kerajaan.

4. Semua Ketua Jabatan adalah bertanggung jawab untuk memantapkan keselamatan perlindungan di agensi masing-masing termasuk dokumen, rekod dan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pada masa yang sama Ketua Jabatan juga perlu memastikan tempat kerja yang sihat dan selamat. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan dikehendaki memastikan kementerian, jabatan dan agensi masing-masing meningkatkan pematuhan ke atas kehendak-kehendak akta, arahan, peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan keselamatan perlindungan, dokumen dan rekod serta keselamatan peralatan ICT seperti di **Lampiran A** dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti di **Lampiran B**.

5. Untuk melaksanakan arahan ini, Ketua Jabatan tidak perlu menubuhkan jawatankuasa yang berasingan, tetapi memadai dengan memanfaatkan Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang telah sedia ditubuhkan mengikut Arahan Keselamatan Kerajaan. Walau bagaimanapun peranan Jawatankuasa Keselamatan Jabatan ini perlu diperluaskan untuk mencakupi juga aspek-aspek keselamatan peralatan ICT serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

6. Saya berharap semua Ketua Jabatan dapat memberi perhatian kepada keselamatan perlindungan, keselamatan peralatan ICT serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam perkara ini sebarang rujukan mengenainya bolehlah dibuat kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN**

s.k. Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan
Aras1 dan 2, Blok B7, Parcel B
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Aras 6, Blok B2, Parcel B
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Blok D3, Aras 2,3,4 & 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

# SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

| KATEGORI | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| **A. <u>Keselamatan Perlindungan Secara Am</u>** | |
| 1. *Emergency (Essential Power) Act 1964* | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 2. Essential (Key Points) Regulations 1965 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **3.** Perakuan Jawatankuasa mengkaji semula peraturan keselamatan Pejabat Tahun 1982 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 4. Arahan Keselamatan Yang Dikuatkuasakan Melalui Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 5. Arahan Jawatankuasa Tetap Sasaran Penting Bil. 1 Tahun 1985 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 6. Arahan Tetap Sasaran Penting Yang Dikeluarkan Kepada Pihak Yang Terlibat Dalam Pengurusan Sasaran Penting Milik Kerajaan Dan Swasta Yang Diluluskan Oleh Jemaah Menteri Pada 13 Oktober 1993 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 7. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1993- Meningkatkan Kualiti Kawalan Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **B. <u>Keselamatan Dokumen</u>** | |
| 1. *Confidential General Circular Memorandum No. 1 of 1959 (Code Words-Allocation & Control)* | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 2. Akta Rahsia Rasmi 1972 | Arkib Negara |

| KATEGORI | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 3. Akta Arkib Negara 2003 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 4. Surat Pekeliling Bil. 8 Tahun 1990- Arahan Keselamatan Kawalan, Penyelenggaraan, Maklumat-Maklumat Ukur Dan Geografi Yang Antara Lainnya Merangkumi Peta-Peta Rasmi Dan Penderiaan Jauh | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 5. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1972- Keselamatan Rahsia-Rahsia Kerajaan Daripada Ancaman Penyuluhan *(espionage)* | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 6. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987-Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1976 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **7.** Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 Dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987 Yang Ditandatangani Oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara Melalui Surat PM(R)10308/3/(45) Bertarikh 8 Mei 1987 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 8. Kawalan Keselamatan Rahsia Rasmi Dan Dokumen Rasmi Kerajaan Yang Dikelilingkan Melalui Surat KPKK(R)200/55 Klt.7(21) Bertarikh 21 Ogos 1999 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **C. <u>Keselamatan Fizikal/ Bangunan</u>** | |
| - 1. Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan Tahun 1959 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 2. Arahan Pembinaan Bangunan Berdekatan Dengan Sasaran Penting, Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 3. *State Key Points/Counter Sabotage Standing Policy Directive (1964)* | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |

| KATEGORI | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 4. Surat Pekeliling Am Rahsia Bil.1 Tahun 1975. (Keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan) | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **5.** Surat Bil. KPKK/308/A (2) bertarikh 7/9/79. (mencetak Pas-Pas Keselamatan dan Kad-Kad Pengenalan Kementerian/Jabatan | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 6. Surat Pekeliling Am Bil 4 Tahun 1982- Permohonan Ruang Pejabat Sama Ada Dalam Bangunan Guna sama Atau pun Disewa Di Bangunan Swasta | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| 7. Surat Pekeliling Am Bil. 14 Tahun 1982 – Pelaksanaan Pelan Pejabat Terbuka | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **D. <u>Keselamatan Individu</u>** | |
| 1. Government Security Officer: Terms of Reference – Extract On Training Of Departmental Security Office | |
| 2. Confidential General Circular Memorandum | |
| 3. Instruction On Positive Vetting Procedure | |
| 4. Surat Pekeliling Am Sulit Bil.1/1966 – Perkara Keselamatan Tentang Persidangan-Persidangan/Perjumpaan/Lawatan Sambil Belajar Antarabangsa | |
| 5. Surat Pekeliling Tahun 1966 - Tapisan Keselamatan Terhadap Pakar/Penasihat Luar Negeri | |
| 6. Surat Pekeliling Am Sulit Bil.1/1967 – Ceramah Keselamatan bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan dan mereka-mereka yang Bukan Pegawai-Pegawai Kerajaan yang bersama dalam Perwakilan Rasmi Malaysia semasa melawat Negara-negara tabir Buluh dan Tabir besi | |
| 7. Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1977- Melaporkan Perjumpaan/ Percakapan Di Antara Diplomat/ Orang-Orang Perseorangan Dari Negeri-Negeri Asing Dengan Anggota-Anggota Kerajaan | |

| KATEGORI | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 8. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 – Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 9. Malaysian Public Sector Management of Information & Comunication Technology Security Handbook (MyMIS) 2002 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan |
| **E. <u>Keselamatan Peralatan ICT</u>** | |
| 1. Akta Tandatangan Digital 1997 | Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi |
| 2. Akta Jenayah Komputer 1997 | Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi |
| 3. Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997 | Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi |
| 4. Akta Multimedia dan Telekomunikasi 1998 | Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi |
| 5. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1993 – Peraturan Penggunaan Mesin Faksimili di Pejabat-Pejabat Kerajaan | MAMPU |
| 6. Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 – Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi | MAMPU |

| KATEGORI | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 7. Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2001 – Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) | MAMPU |
| 8. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 – Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan | MAMPU |
| 9. Malaysian Public Sector Management of Information & Communication Technology Security Handbook (MyMIS) 2002 | MAMPU |

**LAMPIRAN B**

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

| AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| **A. <u>Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP)</u>**<br><br>Peraturan-peraturan di bawahnya:<br><br>1. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pernyataan Dasar Am Keselamatan dan Kesihatan Majikan (Pengecualian) 1995<br><br>2. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996<br><br>3. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996<br><br>4. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan bahan kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 1997<br><br>5. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997<br><br>6. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997<br><br>7. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Larangan Penggunaan Bahan) 1999 | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) |

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

| | **AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN** | **AGENSI DIRUJUK** |
|---|---|---|
| | 8. Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000<br><br>9 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan ) 2004<br><br>A. **Garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994:** | |
| *1.* | *1. Guidelines for Public Safety and Health at Construction Site- 1994*<br><br>*2. Guidelines on Occupational Safety and Health in the Office - 1996*<br><br>*3. Guidelines on First-Aid Facilities in the Workplace - 1996*<br><br>*4. Guidelines on Method of Sampling and Analysis for Airborne Lead – April 1997*<br><br>*5. Guidelines for the Formulation of a Chemical Safety Datasheet – Dec 1997*<br><br>*6. Guidelines for the Classification of Hazardous Chemicals - Dec 1997*<br><br>7. *Guidelines for Labeling of Hazardous Chemicals – Dec 1997* | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) |

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

| AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 8. *Guidelines on Occupational Safety and Health in Tunnel Construction – Dec 1997*<br><br>9. *Guidelines for the Preparation of a Chemical Register – Sept 2000*<br><br>10. *Guidelines on Trenching for Construction Safety – Sept 2000*<br><br>11. *Guidelines for the Registration of Assessors, Hygiene Technician and Occupational Health Doctor – Dec 2000*<br><br>12. *Assessment of the Health Arising from Use of Hazardous Chemical in the Workplace (2nd Edition) – Dec 2000*<br><br>13. *Guidelines on the Control of Chemicals Hazardous to Health – August 2001*<br><br>14. *Guidelines on Medical Surveillance – October 2001*<br><br>15. Garispanduan Penyediaan Dokumen Demonstrasi Operasi Selamat (Am) – 2001<br><br>16. Garispanduan Penyediaan Dokumen Demonstrasi Operasi Selamat (Penstoran Gas Petroleum Cecair Di Dalam Silinder) – 2001<br><br>17. Panduan Bagi Pencegahan Tekanan Dan Keganasan Di Tempat Kerja – Oktober 2001 | |

**SENARAI AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARISPANDUAN MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

| AKTA/ARAHAN/PERATURAN/PROSEDUR/GARIS PANDUAN | AGENSI DIRUJUK |
|---|---|
| 18. *Guidelines on Monitoring of Airbone Contaminant For Chemicals Hazardous To Health – November 2002*<br><br>*19. Guidelines on Occupational Safety and Health for Standing at Work – Sept 2002*<br><br>*20. Guidelines on Reproductive Health Policy & Programmes at the Workplace –December 2002*<br><br>*21. Guidelines on Occupational Safety and Health in Agriculture – October 2002*<br><br>*22. Guidelines on Occupational Vibration - July 2003*<br><br>*23. Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work – October 2003*<br><br>*24. Guidelines on Occupational Safety and Health In Fishing and Agriculture Operation – 2003*<br><br>*25. Guidelines on Gender Issues In Occupational Safety and Health – 2003*<br><br>*26. Guidelines on Occupational Safety and Health for Working with Video Display Unit (VDU's)- June 2003* | |